



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
OGOS 2023**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**02 OGOS 2023  
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,  
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK  
IBU PEJABAT PETALING JAYA  
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

*Bismillahirrahmanirrahim*

- **Assalamualaikum      warahmatullahiwabarakatuh,      Salam**  
**Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.**
- **Yang Berusaha Encik Shaari bin Desa**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)**  
**Jabatan Kimia Malaysia**
- **Yang Berusaha Puan Rusnah binti Rohani**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**  
**Jabatan Kimia Malaysia**
- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**  
**Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya**  
**kasihi sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Ogos tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Pusat SEKITARAN** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

## **LAWATAN DATUK KSU KE KIMIA BINTULU**

Hadirin sekalian,

3. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin Bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI diatas lawatan beliau ke KIMIA Bintulu bersama-sama delegasi yang turut dihadiri oleh YBrs. Puan Ruziah binti Shafie, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) dan YBrs. Puan Hajah Noraishah binti Pungut, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom.
4. Lawatan YBhg. Datuk KSU dan delegasi ini bertujuan untuk meninjau Kwarters KIMIA Bintulu dan tapak Kwarters baru yang akan dibina kelak.

5. Selepas lawatan ke kuarters tersebut, YBhg. Datuk KSU juga berkesempatan untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama warga KIMIA Bintulu.
6. Semoga pembinaan kuarters ini akan dipermudahkan demi meringankan kos sara hidup warga KIMIA Bintulu kelak.

## **LAWATAN KETUA PENGARAH KE NEGERI**

### **Hadirin sekalian**

7. Ucapan penghargaan dan terima kasih seterusnya saya tujukan kepada Pengarah-pengarah dan Warga kerja KIMIA Kelantan, KIMIA Terengganu dan KIMIA Bintulu atas sambutan bagi sesi lawatan turun padang saya ke sana.
  - a. KIMIA Kelantan – 17 Julai 2023
  - b. KIMIA Terengganu – 18 Julai 2023
  - c. KIMIA Bintulu – 27 Julai 2023
8. Lawatan ke KIMIA Bintulu pada Khamis lepas juga dilakukan bersempena lawatan Datuk KSU yang meninjau Kuarters KIMIA Bintulu.
9. Pelbagai perkara dibincangkan semasa sesi townhall bersama saya tempoh hari dan In sha Allah, perkara-perkara yang berbangkit, akan saya bawa untuk perbincangan bersama pengurusan tertinggi jabatan dan kita akan lihat kesesuaian bagi penyelesaian isu-isu yang telah diketengahkan.

## **MINGGU SAINS NEGARA (MSN)**

10. Hadirin sekalian,
11. Pada 16 Julai 2023 yang lepas, saya telah berkesempatan untuk memenuhi jemputan MOSTI bagi menghadiri perasmian Karnival Minggu Sains Negara 2023 Peringkat Negeri Kedah serta Pelancaran Malaysia Techlympics yang telah diadakan bertempat di South Kedah Chinese Recreation Club, Kulim, Kedah dan telah disempurnakan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri MOSTI.
12. Ucapan penghargaan dan tahniah saya tujukan kepada KIMIA Kedah yang telah mengadakan pameran selama 2 hari iaitu pada 15-16 Julai 2023 sempena Karnival Minggu Sains Negara tersebut yang telah meraih penyertaan sebanyak 6854 pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, universiti dan masyarakat umum.

## **PERSARAAN**

13. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada Puan Juriyah binti Awi dari Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Ibu Pejabat yang telah bersara wajib pada 1 Julai 2023 lepas.

14. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.
15. Disini juga saya ambil peluang ini memaklumkan perhimpunan ini adalah yang terakhir buat Puan Rusnah. Hari ini kita meraikan Puan Rusnah yang bakal bersara pada bulan Oktober 2023 nanti dan akan mula bercuti pada 14 Ogos 2023.
16. Didoakan agar hari-hari persaraan yang akan dilalui Puan Juriyah akan dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta berbahagia disamping keluarga tersayang.

### **PROGRAM PUBLIC SECTOR DAY MALAYSIA**

Tuan/Puan,

17. Seiring dengan cabaran alfa baru, kita perlu menyesuaikan diri dan berubah seiring dengan teknologi baru. Kita perlukan kumpulan tenaga pakar untuk memahami cabaran, keperluan dan kesan perkhidmatan kita. Kita perlu mengenalpasti peluang untuk aplikasi AI dengan kawal selia yang sewajarnya bagi meningkatkan penyampaian.

## **PILIHANRAYA NEGERI 2023**

Hadirin sekalian,

18. Saya ingin menyeru kepada semua kakitangan dan warga KIMIA Malaysia supaya menunaikan tanggungjawab kepada negara dengan keluar mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan berlangsung pada 12 Ogos 2023 ini.
19. Kepada warga KIMIA Malaysia yang menjadi petugas PRN ini, jalankan tugas dengan baik bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya.
20. Begitu juga kepada warga KIMIA Malaysia yang pulang ke kampung bagi menunaikan kewajipan ini, hati-hati ketika memandu dan semoga selamat sampai ke destinasi masing-masing, in sha Allah.

## **PENUTUP**

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan Ogos.

22. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
  
23. Sekian, terima kasih.

**----- TAMAT-----**